

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas soalan yang diperkenalkan pada tahun ini mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Calon dikehendaki menjawab dalam masa dua jam tiga puluh minit. Pembahagian soalan adalah seperti berikut:

Bahagian A - Mengandungi empat soalan struktur iaitu dua soalan daripada Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat dan dua soalan daripada Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Lima. Calon dikehendaki menjawab semua soalan di bahagian A.

Bahagian B - Mengandungi lima soalan esei iaitu dua soalan daripada Sukatan Pelajaran Tingkatan Empat dan tiga soalan daripada Sukatan Pelajaran Tingkatan Lima. Calon dikehendaki menjawab tiga soalan sahaja.

PRESTASI KESELURUHAN

Secara keseluruhannya, prestasi calon SPM dalam mata pelajaran Sejarah 1249/2 untuk tahun 2007 adalah lebih baik daripada tahun 2006. Terdapat peningkatan dari aspek pencapaian markah. Calon yang berkebolehan tinggi berjaya memperoleh markah maksimum dengan memberikan fakta secara tersusun dan kemas. Ini bermaksud isi jawapan yang diberikan memenuhi kehendak soalan dan mengikut urutan. Calon mampu menjawab soalan dengan menggunakan gaya bahasa yang menarik dan memberikan fakta-fakta dengan tepat. Calon memahami tugasan soalan terutamanya bagi soalan satu, dua, tiga dan lima.

Calon yang berkebolehan sederhana pula menunjukkan bahawa mereka masih memahami tugasan soalan tetapi tidak dapat memberikan isi yang mantap dan mencukupi. Contohnya seperti soalan 1 (a), calon dalam kumpulan ini hanya mampu menyenaraikan satu daripada tiga aspek yang diperlukan. Manakala calon-calon berkebolehan rendah pula gagal mengemukakan isi yang mencukupi mengikut kehendak peraturan pemarkahan. Contohnya seperti soalan 1 (b), calon hanya dapat menyenaraikan satu contoh kerajaan maritim di Asia Tenggara. Terdapat juga calon-calon daripada kumpulan ini yang menjawab soalan bahagian B secara ringkas tanpa huraian. Pada tahun ini juga masih terdapat calon-calon yang menjawab tidak mengikut arahan pada kertas soalan terutamanya pada Bahagian B. Calon-calon ini menjawab lebih daripada tiga soalan dan terdapat juga calon yang menjawab semua soalan pada Bahagian B sedangkan mereka hanya diarahkan untuk menjawab tiga soalan sahaja.

PRESTASI KESELURUHAN MENGIKUT KUMPULAN CALON**Calon Dalam Kumpulan Cemerlang**

Mutu jawapan calon sangat baik dan memenuhi kehendak tugasan soalan. Jawapan calon sangat tepat kerana dapat menghuraikan setiap fakta dengan baik sekali. Contoh-contoh yang dikemukakan sesuai, tepat dan huraiannya kemas. Sebagai contoh, bagi soalan 5 (a) calon dalam kumpulan ini telah berjaya menyatakan cara-cara kedatangan Islam ke Asia Tenggara dengan tepat. Calon-calon juga dapat menggunakan istilah dengan tepat seperti perdagangan, perkahwinan dan pengislaman raja. Banyak calon mendapat markah

maksimum dalam setiap ceraiian soalan kerana calon-calon dapat mengemukakan isi-isi dan fakta sejarah dengan sepenuhnya kecuali soalan 4(a).

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Mutu jawapan yang dikemukakan oleh calon dalam kumpulan ini masih boleh dikatakan baik. Contohnya soalan 6, calon-calon dalam kumpulan ini dapat menerangkan sumbangan Revolusi Pertanian terhadap kemunculan Revolusi Perindustrian dengan baik tetapi bagi ceraiian lain, calon gagal memberikan jawapan dengan baik dan adakalanya kurang tepat serta tidak memberikan contoh-contoh yang sesuai. Terdapat kelemahan ketara dari segi pengolahan isi dan juga kesalahan memberikan contoh seperti soalan 6(c), calon menghuraikan faktor imperialisme Barat dengan mengaitkan faktor kedatangan Barat ke Timur seperti galakan pemerintah, mencari rempah dan memecah monopoli perdagangan orang Islam di Timur.

Calon Dalam Kumpulan Lemah

Mutu jawapan calon dalam kumpulan ini tidak memuaskan. Calon gagal memahami kehendak dan tugas soalan mengakibatkan jawapannya terpesong. Selain itu, calon menjawab secara umum dan tidak mengandungi fakta yang dikehendaki. Terdapat calon dalam kumpulan ini yang langsung tidak menjawab soalan tetapi sekadar menyalin soalan. Sesetengah calon pula menjawab apa yang diketahui dan bukannya memenuhi kehendak tugas soalan. Kemahiran calon untuk menghuraikan isi jawapan amat lemah. Terdapat calon yang mengemukakan jawapan berbentuk nota ringkas.

PRESTASI TERPERINCI

Soalan 1(a)

Prestasi calon secara keseluruhannya adalah baik. Calon-calon yang menjawab soalan ini dapat mengemukakan isi-isi utama aspek politik, ekonomi dan sosial. Dari segi kekuatan calon, calon-calon dapat menjawab dengan tepat dan teratur. Mereka dapat menyenaraikan dengan lengkap ciri-ciri dan aspek yang diperlukan meliputi tema pemerintahan, pertanian, perdagangan, kebudayaan dan kehidupan berorganisasi. Malahan terdapat calon-calon yang memberi jawapan dalam ayat-ayat yang lengkap.

1 Jadual di atas menjelaskan tentang kerajaan maritim.

(a) Kegiatan ekonomi kerajaan maritim berasaskan

perdagangan, kelautan dan berfungsi sebagai pelabuhan kerajaan. [1 markah]

Kelemahan calon adalah kerana tidak dapat memahami kehendak soalan dan memberikan jawapan yang ringkas. Contohnya calon menulis satu perkataan "kelautan".

1 Jadual di atas menjelaskan tentang kerajaan maritim.

(a) Kegiatan ekonomi kerajaan maritim berasaskan

kelautan

Kesilapan yang dilakukan oleh calon adalah menulis hal yang tiada kaitan dengan soalan.

1 Jadual di atas menjelaskan tentang kerajaan maritim.

(a) Kegiatan ekonomi kerajaan maritim berasaskan

berasaskan pertanian

Soalan 1(b)

Calon cemerlang dapat menyenaraikan fakta dengan tepat.

(b) Namakan dua buah kerajaan maritim yang terdapat di Tanah Melayu.

(i) Kedah Tua

(ii) Langkat

Kelemahan calon adalah gagal menyenaraikan fakta dengan tepat.

Namakan dua buah kerajaan maritim yang terdapat di Tanah Melayu.

(i) Sriwijaya

(ii) Kedah Tua

Kesilapan yang dilakukan oleh calon ialah jawapan tiada kaitan dengan kehendak soalan.

(b) Namakan dua buah kerajaan maritim yang terdapat di Tanah Melayu.

(i) Sriwijaya

(ii) Funon

Soalan 1(c)(i)

Calon cemerlang dapat memberi jawapan yang jelas.

(c) Nyatakan peranan pelabuhan-pelabuhan berikut kepada kerajaan maritim:

(i) Pelabuhan pembekal

Membekalkan bahan logam seperti emas dan bijih timah serta makanan kepada pedagang yang datang. [1 markah]

Kelemahan calon adalah memberikan isi tanpa penerangan yang jelas.

(c) Nyatakan peranan pelabuhan-pelabuhan berikut kepada kerajaan maritim:

(i) Pelabuhan pembekal

Menjual barangan dan makanan seperti beras. [1 markah]

Kesilapan yang dilakukan oleh calon adalah memberikan jawapan yang terpesong dan menyeleweng. Calon tidak memahami peranan pelabuhan pembekal.

(c) Nyatakan peranan pelabuhan-pelabuhan berikut kepada kerajaan maritim:

(i) Pelabuhan pembekal

Pelabuhan yang membekalkan senjata [1 markah]

Soalan 1(c)(ii)

Calon cemerlang memahami peranan pelabuhan kerajaan dengan tepat.

(ii) Pelabuhan kerajaan

Mengumpul barangan daripada pelabuhan pembekal untuk perdagangan. [1 markah]

Kelemahan calon pula adalah jawapan kurang jelas tetapi masih mempunyai kaitan dengan tugas soalannya

(ii) Pelabuhan kerajaan

Membekalkan bahan logam seperti emas dan makanan kepada pedagang [1 markah]

Kesilapan yang dilakukan oleh calon adalah memberikan jawapan yang menyeleweng

(ii) Pelabuhan kerajaan

Tempat singgah kapal perang tentera laut. 0

Soalan 1(c)(iii)

Calon cemerlang dapat menerangkan peranan pelabuhan entreport dengan tepat.

(iii) Pelabuhan entreport

Membekalkan hasil tempatan dan kawasan terluarnya kepada pedagang antarabangsa yang berdagang di pelabuhannya. 1

Kelemahan calon: Calon memberikan jawapan yang kurang jelas.

(iii) Pelabuhan entreport

membekalkan barang dagangan bersempadan drp. kawasan terluarnya dan membeli drp. pedagang yang datang serta mengedarkan kpd pedagang lain. 1

Kesilapan yang dilakukan oleh calon adalah langsung tidak memahami konsep pelabuhan entreport

(iii) Pelabuhan entreport

Mengumpul barang dagangan. 1 [1 markah]

Soalan 1(d)

Calon cemerlang dapat menerangkan peranan Bahasa Melayu dalam kegiatan ekonomi kerajaan maritim dengan tepat dan menggunakan bahasa yang mudah difahami.

(d) Nyatakan peranan bahasa Melayu dalam kegiatan ekonomi kerajaan maritim.

Bahasa Melayu sebagai bahasa lingua franca yang menjadi bahasa perhubungan dalam perdagangan. 1 [1 markah]

Kelemahan calon: Calon menerangkan peranan Bahasa Melayu dalam kegiatan ekonomi kerajaan maritim dengan ringkas.

(d) Nyatakan peranan bahasa Melayu dalam kegiatan ekonomi kerajaan maritim.

sebagai bahasa penghubung. 1

Kesilapan yang dilakukan oleh calon adalah memberikan jawapan yang tidak tepat dengan kehendak soalan. Calon memberikan jawapan yang tidak berkaitan.

(d) Nyatakan peranan bahasa Melayu dalam kegiatan ekonomi kerajaan maritim.

bahasa melayu.

[1 markah]

Soalan 1(e)

Calon cemerlang dapat menerangkan iktibar yang boleh diperolehi oleh generasi muda hari ini sebagaimana kehendak tugas soalan.

(e) Senaraikan tiga iktibar yang boleh diambil oleh generasi muda hari ini daripada masyarakat kerajaan maritim.

- (i) Kita harus mempunyai semangat meneka.
- (ii) Kita harus membangunkan perdagangan lautan dan melibatkan diri dalam perdagangan.
- (iii) Kita harus mempertahankan kegemilangan kerajaan kita.

Kelemahan calon adalah menulis iktibar yang diperolehi generasi muda hari ini secara umum.

(e) Senaraikan tiga iktibar yang boleh diambil oleh generasi muda hari ini daripada masyarakat kerajaan maritim.

- 02
- (i) Sentiasa berkembang dan tidak mundur
 - (ii) tolong menolong antara satu sama lain.
 - (iii) perniagaan adalah perbara yang baik untuk dijalankan demi mencari rezeki.

[3 markah]

Kesilapan yang dilakukan calon adalah memberikan jawapan yang menyeleweng. Calon tidak memahami istilah iktibar.

(e) Senaraikan tiga iktibar yang boleh diambil oleh generasi muda hari ini daripada masyarakat kerajaan maritim.

- (i) boleh melancong
- (ii) membangunkan industri
- (iii) mementingkan pertanian

[3 markah]

Soalan 2(a)

Calon cemerlang dapat memberikan jawapan yang tepat dan jelas.

- 2 Seorang khalifah yang dilantik bertanggungjawab memelihara kedudukan agama Islam serta mentadbir negara mengikut hukum syariah yang berpandukan al-Quran dan sunah.

(a) Berikan dua kaedah pemilihan khalifah dalam Islam.

- (i) melalui Mesyuarat / majlis Syura'
(ii) Cadangan satu nama oleh khalifah sebelumnya [2 markah] 2

Kelemahan calon: Calon menyenaraikan sebahagian jawapan sahaja.

- 2 Seorang khalifah yang dilantik bertanggungjawab memelihara kedudukan agama Islam serta mentadbir negara mengikut hukum syariah yang berpandukan al-Quran dan sunah.

(a) Berikan dua kaedah pemilihan khalifah dalam Islam.

- (i) melalui undian
(ii) cadangan oleh bekas khalifah [2 markah] 1

Kelemahan calon: Jawapan calon menyeleweng daripada tugas soalannya.

- 2 Seorang khalifah yang dilantik bertanggungjawab memelihara kedudukan agama Islam serta mentadbir negara mengikut hukum syariah yang berpandukan al-Quran dan sunah.

(a) Berikan dua kaedah pemilihan khalifah dalam Islam.

- (i) Melalui suksesi
(ii) melalui demokrasi 0

Soalan 2(b)(i)

Calon cemerlang dapat menjelaskan tugas khalifah dengan tepat.

(b) Jelaskan tanggungjawab seorang khalifah dari aspek berikut:

(i) Politik

mempertahankan negara daripada ancaman luar 1

Kelemahan calon: Calon tidak dapat memberikan jawapan yang tepat.

(b) Jelaskan tanggungjawab seorang khalifah dari aspek berikut:

(i) Politik

Mengetuai pentadbiran negara

[1 markah]

Kelemahan calon: Calon memberikan jawapan yang terpesong

(b) Jelaskan tanggungjawab seorang khalifah dari aspek berikut:

(i) Politik

meluaskan kuasa

[1 markah]

Soalan 2(b)(ii)

Calon cemerlang dapat menjelaskan tugas khalifah dengan tepat.

(ii) Sosial

menjaga kebajikan rakyat.

Calon lemah memberikan jawapan yang bercampur aduk

(ii) Sosial

- menjaga keamanan dalam negara
- memastikan rakyat kekal beratu padu
- menjaga kebajikan rakyat

[1 markah]

Kelemahan calon: Jawapan calon kurang jelas

(ii) Sosial

Memelihara kedudukan agama Islam. Menjaga keamanan rakyat.

[1 markah]

Soalan 2(b)(iii)

Calon cemerlang dapat menjawab soalan dengan tepat.

(iii) Ekonomi

Mengumpulkan harta Baitulmal

[1 markah]

Kelemahan calon: Calon tidak dapat menerangkan tugas khalifah secara tepat dan jelas.

(iii) Ekonomi

mengenakan ukai tanah.

Kesilapan calon adalah memberikan jawapan yang tidak berkaitan sebagaimana yang dikehendaki soalan.

(iii) Ekonomi

- menjalakan kegiatan yang boleh memajukan ekonomi.
 - memastikan ~~etansa~~ kegiatan ekonomi yang dijalankan bebas daripada riba / rasuah.
- [1 markah]

Soalan 2(c)

Calon cemerlang dapat memberikan jawapan yang tepat tentang kejayaan Khalifah Abu Bakar al-Siddiq.

(c) Berikan dua kejayaan Khalifah Abu Bakar al-Siddiq.

- (i) mengumpulkan tulisan Al-Quran.
 - (ii) mempertahankan Rom negara daripada serangan Rom dan Parsi.
- [2 markah]

Kelemahan calon: Calon hanya menjawab sebahagian daripada tugas soalan.

(c) Berikan dua kejayaan Khalifah Abu Bakar al-Siddiq.

- (i) mengumpulkan Al-Quran
 - (ii) keberhasilannya maju.
- [2 markah]

Kesilapan calon: Calon menulis jawapan yang menyeleweng daripada tugas soalan

(c) Berikan dua kejayaan Khalifah Abu Bakar al-Siddiq.

- (i) berjaya..... meluaskan..... pengaruh..... agama..... Islam
 - (ii) kerajaannya..... maju
- [2 markah]

Soalan 2(d)

Calon yang cemerlang dapat menjawab soalan dengan mengemukakan pendapat yang bernas, tepat, jelas dan padat.

(d) Sekiranya anda dilantik menjadi pemimpin Malaysia, bagaimanakah anda mengamalkan ciri-ciri kepimpinan Islam dalam pentadbiran anda?

- (i) mempraktikkan undang-undang Islam
- (ii) menunjukkan nilai-nilai Islam yang baik seperti adil
- (iii) menerapkan unsur-unsur keagamaan dalam upacara rasmi negara spt seperti majlis pertabalan [3 markah] dan sebagainya.

Calon yang sederhana mengemukakan pendapat secara ringkas tanpa huraian dan contoh.

(d) Sekiranya anda dilantik menjadi pemimpin Malaysia, bagaimanakah anda mengamalkan ciri-ciri kepimpinan Islam dalam pentadbiran anda?

- (i) Bersikap jujur semasa mentadbir negara
- (ii) Bersikap adil ketika menjalankan tugas
- (iii) Tidak mengamalkan unsur-unsur negatif dalam pentadbiran [3 markah]

Calon yang lemah tidak dapat mengemukakan pendapat yang berkaitan dengan tugas soalan.

(d) Sekiranya anda dilantik menjadi pemimpin Malaysia, bagaimanakah anda mengamalkan ciri-ciri kepimpinan Islam dalam pentadbiran anda?

- (i) mengemukakan dasar pecah dan perintah
- (ii)
- (iii)

Soalan 3(a)

Calon cemerlang dapat menjelaskan maksud imperialisme dengan tepat.

3 Rajah di atas menjelaskan tentang faktor imperialisme Barat di Asia Tenggara.

(a) Apakah maksud imperialisme?

-01 Imperialisme merupakan dasar kuasa-kuasa yang hebat untuk meluaskan pengaruhnya dengan mengenakan pemerintahannya ke atas negara yang lemah. [1 markah]

Calon yang sederhana tidak dapat menerangkan maksud imperialisme dengan tepat.

3 Rajah di atas menjelaskan tentang faktor imperialisme Barat di Asia Tenggara.

(a) Apakah maksud imperialisme?

02 Dasar sesebuah negara untuk memperluaskan kuasa hak dan wilayahnya

Calon yang lemah tidak faham akan maksud imperialisme.

3 Rajah di atas menjelaskan tentang faktor imperialisme Barat di Asia Tenggara.

(a) Apakah maksud imperialisme?

13 pemerintah kuasa-kuasa Barat di Asia Tenggara

Soalan 3(b)

Jawapan calon cemerlang adalah tepat dan jelas.

(b) Apakah faktor X dan Y?

(i) X Negara Asia Tenggara yang kaya dengan bahan mentah
(ii) Y mencari pasaran

Calon yang lemah tidak dapat menyenaraikan faktor-faktor imperialisme Barat. Hal ini menyebabkan jawapan mereka kabur dan tidak menepati kehendak soalan.

(b) Apakah faktor X dan Y?

(i) X beban orang putih
(ii) Y Undang-undang

Kesilapan yang sering dilakukan oleh calon ialah mereka menerangkan faktor-faktor penjelajahan Barat ke Timur.

(b) Apakah faktor X dan Y?

(i) X Gold, glory, gospel
(ii) Y Semangat inkuiri

Soalan 3(c)

Calon cemerlang dapat menyampaikan jawapan dengan jelas dan tepat.

(c) Berikan dua cara kemajuan sistem pengangkutan membantu peluasan imperialisme Barat.

- (i) penciptaan ^{kapal} enjin berkuasa wap yang dapat mempercepatkan perjalanan dan mengangkut barangan muatan yang banyak.
 - (ii) Pembukaan Terusan Suez yang menendekkan perjalanan.
- [2 markah]

Kelemahan calon ialah tidak dapat menyatakan cara kemajuan sistem pengangkutan dengan tepat.

(c) Berikan dua cara kemajuan sistem pengangkutan membantu peluasan imperialisme Barat.

- (i) kapal wap
- (ii) kereta wap

Kesilapan calon ialah memberikan jawapan yang terpesong daripada peraturan pemarkahan.

(c) Berikan dua cara kemajuan sistem pengangkutan membantu peluasan imperialisme Barat.

- (i) kapal layar
 - (ii) Angon mendon
- [2 markah]

Soalan 3(d)

Calon yang cemerlang memberikan jawapan yang tepat. Isinya mencukupi dan bahasa yang digunakan mudah difahami.

(d) Mengapakah kuasa-kuasa Barat bersaing untuk meluaskan pengaruh di Timur?

- (i) kawasan Asia Tenggara yang strategik.
 - (ii) Tanah yang subur.
- [2 markah]

Kelemahan calon: Calon tidak memahami maksud soalan dan tidak dapat memberikan isi jawapan yang tepat.

(d) Mengapakah kuasa-kuasa Barat bersaing untuk meluaskan pengaruh di Timur?

- 2 (i) meluaskan pemerintahan
(ii) meluaskan perdagangan [2 markah]

Kelemahan calon: Calon keliru dengan faktor penjelajahan Barat ke Timur.

(d) Mengapakah kuasa-kuasa Barat bersaing untuk meluaskan pengaruh di Timur?

- (i) menentah padang pasir
(ii) mencari Rempah [2 markah]

Soalan 3(e)

Calon yang cemerlang dapat memberikan pandangan dengan jelas, tersusun dan kemas tentang slogan "Beban Orang Putih". Hal ini menyebabkan calon mendapat markah yang maksimum.

(e) Slogan "Beban Orang Putih" digunakan oleh kuasa British dan Belanda atas alasan untuk memimpin masyarakat Timur ke arah kesejahteraan.

Adakah anda bersetuju dengan alasan tersebut?
Berikan pandangan anda.

- (i) Saya tidak setuju kerana penguasaan mereka menyebabkan ketidaksamarataan
(ii) Penguasaan mereka menyebabkan rakyat hidup dalam kesengsaraan kerana rakyat kehilangan tanah
(iii) Penguasaan mereka menyebabkan masyarakat luar bandar mengalami kemunduran [3 markah]
- pergadahan dan perbudakan kuasa
penduduk
3

Kelemahan calon: Calon memberikan jawapan yang bercampur aduk, umum dan tidak tepat mengikut kehendak soalan.

- (e) Slogan "Beban Orang Putih" digunakan oleh kuasa British dan Belanda atas alasan untuk memimpin masyarakat Timur ke arah kesejahteraan.

Adakah anda bersetuju dengan alasan tersebut?

Berikan pandangan anda. Tidak

- (i) kerana ia hanyalah satu tektok untuk menjajah
(ii) untuk menguasai ekonomi negara jajahan
(iii) untuk ~~mengetes~~ menjadi tanah jajahan yang ^{penjajahan} paling banyak tanah jajahan. [3 markah]

Kesilapan calon ialah terlalu mengagung-agungkan kuasa Barat.

- (e) Slogan "Beban Orang Putih" digunakan oleh kuasa British dan Belanda atas alasan untuk memimpin masyarakat Timur ke arah kesejahteraan.

Adakah anda bersetuju dengan alasan tersebut?

Berikan pandangan anda.

- (i) setuju masyarakat Timur dapat ditunjukkan
(ii) setuju masyarakat Timur dapat dipertinjal dengan baik tidak gambar
(iii) setuju kuasa British dan Belanda dapat dikuasakan sedikit berd menyebabkan Timur [3 markah]

Soalan 4(a)(i)

Calon cemerlang dapat menguasai soalan ini dengan baik. Mereka dapat memberikan isi jawapan yang tepat dan padat. Jawapan mereka mudah difahami kerana menggunakan ayat yang jelas.

4. Garis masa di atas menunjukkan perubahan yang dialami oleh masyarakat negara kita dalam tempoh enam tahun.

(a) Jelaskan faktor yang membawa kepada perubahan tersebut dari aspek berikut:

- (i) Politik

AG(i)-01 Umbanto mempercayai kemerdekaan Sabah, Sarawak dan Singapura [1 markah]

Kelemahan calon adalah tidak menjawab soalan dengan tepat.

4 Garis masa di atas menunjukkan perubahan yang dialami oleh masyarakat negara kita dalam tempoh enam tahun.

(a) Jelaskan faktor yang membawa kepada perubahan tersebut dari aspek berikut:

(i) Politik

menjaga keselamatan negara
.....
[1 markah] =

Kesilapan yang dilakukan oleh calon ialah mereka keliru akan garis masa penubuhan Malaysia secara kronologi.

4 Garis masa di atas menunjukkan perubahan yang dialami oleh masyarakat negara kita dalam tempoh enam tahun.

(a) Jelaskan faktor yang membawa kepada perubahan tersebut dari aspek berikut:

(i) Politik

A(i)-03 *penentangan terhadap pemerintah secara bipolar*
.....
[1 markah]

Soalan 4(a)(ii)

Calon cemerlang dapat menguasai soalan ini dengan baik. Mereka dapat memberikan isi jawapan yang tepat dan padat. Jawapan mereka mudah difahami kerana menggunakan ayat yang jelas.

(ii) Ekonomi

menggalakan pelaburan dan pabaran
.....
[1 markah]

Kelemahan calon: Calon tidak menjawab soalan dengan tepat.

(ii) Ekonomi

12 *peningkatan ekonomi*
.....
[1 markah]

Kesilapan yang dilakukan oleh calon ialah mereka keliru akan garis masa penubuhan Malaysia secara kronologi.

(ii) Ekonomi

3 *mengimbangi ekonomi*
.....
[1 markah] =

Soalan 4(a)(iii)

Calon cemerlang dapat menguasai soalan ini dengan baik. Mereka dapat memberikan isi jawapan yang tepat dan padat. Jawapan mereka mudah difahami kerana menggunakan ayat yang jelas.

(iii) Sosial

Mengembangkan penduduk antarabangsa
[1 markah]

Kelemahan calon: Calon tidak menjawab soalan dengan tepat.

(iii) Sosial

2. Pengimbangan penduduk.
[1 markah]

Kesilapan yang dilakukan oleh calon ialah mereka keliru akan garis masa penubuhan Malaysia secara kronologi.

(iii) Sosial

03. Peningkatan sosial melalui sistem negara bangsa.
[1 markah]

Soalan 4(b)

Calon cemerlang dapat memberikan jawapan yang isinya padat. Jawapan calon menepati kehendak soalan.

(b) Apakah tindakan Malaysia untuk menghadapi tentangan daripada Indonesia?

(i) Menghantar surat bantahan ke Persekutuan Bangsa-Bangsa Bersatu

(ii) Meminta bantuan ketenteraan dari negara commonwel

[2 markah]

Kelemahan calon pula ialah memberikan sebahagian daripada jawapan sahaja.

(b) Apakah tindakan Malaysia untuk menghadapi tentangan daripada Indonesia?

(i) mengadakan perundingan Maphindo

(ii) mengadakan gencatan senjata

[2 markah]

Kesilapan calon ialah memberikan jawapan menyeleweng daripada kehendak soalan. Calon menjawab tindakan yang tidak dilakukan oleh Malaysia.

(b) Apakah tindakan Malaysia untuk menghadapi tentangan daripada Indonesia?

- (i) kebijaksanaan peramp dengan Indonesia
- (ii) hantar duta
- [2 markah]

Soalan 4(c)

Calon yang cemerlang memberikan jawapan yang baik, tepat dan padat. Jawapan mereka memenuhi kehendak soalan.

(c) Jelaskan peranan Jawatankuasa Perunding Perpaduan Kaum (JPPK) dalam pembentukan Malaysia.

- Mengampung pandangan penduduk Malaysia

Kelemahan calon ialah memberikan jawapan yang tidak cukup isinya terutama yang berkaitan dengan peranan Jawatankuasa Perunding Perpaduan Kaum.

(c) Jelaskan peranan Jawatankuasa Perunding Perpaduan Kaum (JPPK) dalam pembentukan Malaysia.

- Menghantar memorandum
- [1 markah]

Kelemahan calon: Calon tidak memahami tugas dan peranan Jawatankuasa Perunding Perpaduan Kaum.

(c) Jelaskan peranan Jawatankuasa Perunding Perpaduan Kaum (JPPK) dalam pembentukan Malaysia.

- Cara penyelesaian untuk menyatupadukan penduduk pelbagai kaum.

Soalan 4(d)

Jawapan calon yang cemerlang adalah tepat dan padat. Calon dapat memberikan beberapa isi jawapan seperti yang dikehendaki oleh tugas soalan.

(d) Berikan dua bukti Perjanjian Malaysia dibentuk dengan mengambil kira kepentingan rakyat dan semua negeri anggota.

- (i) Susunan raja
- (ii) sistem confederal
- (i) Pandangan daripada rakyat telah menyuar, serentak, dan sah diambil. dan menitiberatkan. [2 markah]
- (ii) Parlimbangan yang adil dan disetujui oleh semua rakyat.

Kelemahan calon: Calon gagal memahami faedah Perjanjian Malaysia kepada negeri-negeri anggota.

(d) Berikan dua bukti Perjanjian Malaysia dibentuk dengan mengambil kira kepentingan rakyat dan semua negeri anggota.

- (i) ~~Perjanjian~~ diwakili oleh 10 orang yg berbilang kaum
- (ii) mengumpul suara penduduk tempatan.
- [2 markah]

Kelemahan calon: Calon tidak memahami faedah Perjanjian Malaysia kepada negeri-negeri anggota dan jawapan terus menyeleweng.

(d) Berikan dua bukti Perjanjian Malaysia dibentuk dengan mengambil kira kepentingan rakyat dan semua negeri anggota.

- (i) Semua rakyat diberi hak umum
- (ii) pelembagaan yang sama
- [2 markah]

Soalan 4(e)

Calon yang cemerlang dapat memberikan jawapan yang menepati kehendak soalan.

(e) Tindakan bijak Tunku Abdul Rahman membentuk Malaysia memberi kebaikan kepada rakyat negara kita sehingga kini.

Berikan dua bukti untuk menyokong pernyataan di atas.

- (i) Perpaduan rakyat negara diwujudkan
- (ii) kegatin ekonomi rakyat seimbang dan maju.
- [2 markah]

Kelemahan calon: Calon memberikan jawapan yang umum dan tidak berkaitan dengan usaha Tunku Abdul Rahman dalam pembentukan Malaysia.

(e) Tindakan bijak Tunku Abdul Rahman membentuk Malaysia memberi kebaikan kepada rakyat negara kita sehingga kini.

Berikan dua bukti untuk menyokong pernyataan di atas.

- (i) Pergi membuat rombongan ke London untuk menuntut kemerdekaan
- (ii) mengadakan hubungan diplomatik dgn dgn negara jiran.
- [2 markah]

Calon yang lemah memberikan langkah pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1957 sebagai jawapan calon.

- (e) Tindakan bijak Tunku Abdul Rahman membentuk Malaysia memberi kebaikan kepada rakyat negara kita sehingga kini.

Berikan dua bukti untuk menyokong pernyataan di atas.

- (i) Membuat rombongan ke London untuk menuntut kemerdekaan.
- (ii) ~~.....~~

[2 markah]

BAHAGIAN B - SOALAN ESEI

Soalan 5(a)

Calon cemerlang dapat menjawab soalan dengan baik dengan menerangkan semua cara penyebaran ajaran Islam ke Asia Tenggara. Calon dapat mencatatkan cara penyebaran melalui perdagangan, perkahwinan, pengislaman raja/bangsawan, kelahiran kerajaan Islam, peranan pusat kebudayaan, peranan mubaligh dan keistimewaan Islam.

a)	(Empat cara penyebaran Islam di Asia Tenggara ialah pengislaman raja.) (Sebagai contoh, pengislaman Megat Iskandar Syah.) (Selain itu, perdagangan.) (Pedagang-pedagang telah membina perkampungan-perkampungan untuk membincangkan hal agama.) (Mereka telah membawa ulama masuk ke negara kita.) (Di samping itu, menerusi perkahwinan.) (Perkahwinan ini terbahagi kepada dua iaitu perkahwinan siyasah) dan perkahwinan biasa.) (Seterusnya, menerusi kebudayaan.) (Antaranya Sultan Mahmud Syah menghantar kitab Al-Dur Al-Manzum ke Pasai untuk diterjemahkan.) (Di Aceh, terdapat karya Bustanus Salatin.)
----	---

Kelemahan calon ialah memberikan sebahagian cara penyebaran Islam seperti keistimewaan Islam, peranan mubaligh, perdagangan dan perkahwinan. Calon tidak menghuraikan fakta secara terperinci.

a) (Empat cara penyebaran ajaran Islam di Asia Tenggara ialah melalui pedagang-pedagang Arab, China dan India) (Selain itu, cara penyebarannya ialah melalui pengistimewaan raja-raja di Asia Tenggara: Pembinaan perkampungan) (Juga adalah cara penyebaran ajaran Islam di Asia Tenggara dan cara penyebaran ajaran Islam di Asia Tenggara ialah melalui perkahwinan pedagang-pedagang Arab, China dan India dengan gadis-gadis tempatan?)

Kelemahan calon: Calon tidak dapat mengaitkan fakta dengan huraian secara jelas. Sesetengah fakta dihuraikan dengan panjang dan meleret-leret sedangkan tugas soalan tidak memerlukan calon berbuat demikian. Calon memberikan teori kedatangan Islam ke Asia Tenggara.

Penyebaran Islam di Asia Tenggara memiliki beberapa cara penyebaran. Sebagai contoh, penyebaran Islam di Asia Tenggara ^{datangnya} dari tanah Arab. ^{datangnya} Pernyataan ini telah dibuat oleh John ^{crowford} dan di ^{crowford} sokong oleh Syed Naquib Al-Attas. Ini kerana adanya tinggalan peradaban Arab di Asia Tenggara, tarian yang sekurang-kekurangnya diwariskan ini tarian Zapin, (dan perkahwinan pedagang Arab yang dengan penduduk Asia Tenggara) Pedagang Arab juga menunjukkan sifat murni dalam urusan perdagangan seperti jujur, berbudi bahasa, amanah dan lemah lembut. Ini menyebabkan ramai penduduk Asia Tenggara memeluk Islam. Yang keduanya, penyebaran Islam ke di Asia Tenggara datang dari China. Pernyataan ini telah dibuat oleh Emmell Gindinhe Eredia dan S. Q. Fatimi. Ini adalah kerana ^{terdapat peramaan pada bumbung} masjid yang ^{terdapat pada masa kini masjid} di China dengan bumbung masjid di Asia Tenggara kini iaitu pada hujungnya melentik, atap bumbung dan jubin yang terdapat pada kolam di masjid bawama

merah dan kuning. Yang terakhir, penyekoran Islam datang dari India.
 Pernyataan ini dinyatakan oleh Shucet Hondjer. Ini kerana kebudayaan yang dibawa dan adat resam
 satu ketika dahulu dari India masuk ke Asia Tenggara iaitu perbandingan
 dalam upacara pertakwaan.

Soalan 5(b)

Calon cemerlang berupaya mengemukakan fakta yang mencukupi. Calon dapat mencatatkan perubahan dari segi politik tentang pemerintahan, perundangan dan semangat jihad. Dalam bidang ekonomi pula, diuraikan pula pertubuhan institusi Baitulmal, peluasan perdagangan, penggunaan mata wang dan sistem percukaian Islam.

b) Tiga perubahan dari segi politik ialah unsur-unsur Islam diterapkan dalam pemerintahan bagi menggantikan pemerintahan beragama Hindu yang berkansep dewaraja. (Unsur-unsur Islam diterapkan dalam nama negeri seperti Aceh Darus Salam. (Sultan) pula digelar Khalifatul Mukminin yang bermaksud pemimpin orang mukmin. Undang-undang syariah pula termaktub dalam Hukum Kanun Melaka. (Tiga perubahan dari segi ekonomi pula ialah institusi baitulmal tertubuh dan bertanggungjawab dalam (pemungutan ~~at~~ zakat) (Perniagaan berasaskan riba dilarang) (Pengenalan sistem pungutan cukai seperti Kharg, jizyah dan sebagainya.)

Kelemahan calon: Calon memberikan jawapan yang umum dan tidak berkaitan dengan kehendak soalan. Kebiasaannya calon hanya mencatatkan fakta berkenaan pemerintahan dan sistem percukaian.

b) (Tiga perubahan akibat daripada penerimaan Islam oleh masyarakat Asia Tenggara dari segi politik ialah penaklukan:
 2. gelaran raja yang mengikut ^{pengaruh} agama Hindu) (kepada: sultan yang mempunyai pengaruh Islam). (sistem politik dijalankan berdasarkan sistem politik yang mengikut pengaruh agama Islam. Pengaruhnya dari segi ekonomi pula ialah sistem

ekonomi yang dijalankan berdasarkan pengaruh Islam dan pengumpulan cukai juga telah ditetapkan pada sesuatu jumlah.

Kesilapan calon adalah hanya menjelaskan satu aspek daripada kehendak tugas soal. Calon hanya mengemukakan fakta sahaja tanpa adanya huraian.

Tiga perubahan akibat daripada penerimoon Islam oleh masyarakat Asia Tenggara dari segi politik ialah perubahan gelaran: raja yang mengikut pengaruh agama Hindu kepada sultan yang mempunyai pengaruh Islam. Sistem politik dijalankan berdasarkan sistem politik yang mengikut sistem Islam.

Soalan 5(c).

Calon cemerlang dapat menjawab dengan baik dan mengemukakan bukti perkembangan pendidikan di Asia Tenggara akibat kedatangan Islam. Fakta-fakta yang sering dikemukakan termasuklah pendidikan formal, pendidikan Al-Quran, sistem madrasah dan sistem pondok.

c) (Tiga bukti tersebut ialah munculnya pelbagai institusi pendidikan seperti madrasah, pondok, surau dan sebagainya. (Mubaligh yang datang menjadi guru mengajar) ilmu & hadis, tauhid, usuluddin, dan fikah. Terdapat sistem pendidikan formal dan (tidak formal). Formal seperti di Institusi pendidikan manakala tidak formal pula seperti belajar) melalui pantun, teka-teki dan sebagainya. Di Aceh, terbahagi kepada tiga peringkat iaitu muenasrah, rangkang dan Janiah Bait Al-Bahman. Aceh juga dikenali sebagai Serambi Makkah. Di Perlak, terdapat Dayah Bukit Ce Breek.

Calon yang sederhana mampu mengemukakan fakta tertentu sahaja seperti pondok, masjid, surau dan madrasah.

(Tiga bukti yang menunjukkan ajaran Islam memementingkan ilmu ialah surau dan masjid dijadikan pusat ilmu dan pertemuan orang Islam) Yang kedua, penduduk Asia Tenggara menghantar anak-anak mereka kepada pendakwah Islam untuk menuntut ilmu agama seperti cara-cara solat, mengkaji al-Quran dan menuntut ilmu fardu aib dan juga fardu kifayah. Yang ketiga, majlis ilmu dan ceramah tentang agama sering diadakan di surau mahupun masjid oleh pendakwah Islam.

Kelemahan calon: Calon hanya menekankan kepentingan menuntut ilmu dalam Islam tanpa memberikan tumpuan perubahan pendidikan setelah kedatangan agama Islam.

c) # (Bukti yang boleh menyokong bahawa ajaran Islam menanam sikap memementingkan ilmu dalam jiwa semua golongan masyarakat ialah pendidikan yang diberi selepas kedatangan Islam ialah berdasarkan al-Quran dan Hadis). (Selain itu, kita juga perlu mengembara untuk mencari ilmu pengetahuan yang lebih dan kita juga digalakkan agar berguru dengan orang yang lebih pandai untuk meminta ilmu.)

Soalan 6(a)

Calon cemerlang dapat menjawab soalan dengan baik dan jawapan calon menepati tugas soalan. Calon memahami penggunaan kata tugas dalam soalan dengan jelas. Antara fakta yang kerap diberikan oleh calon ialah penyediaan modal untuk industri, kelahiran peladang yang kaya, menyediakan keperluan makanan, petani kecil menjadi buruh kilang, menyediakan bahan mentah untuk industri, peladang sanggup mengambil risiko dengan melabur dalam bidang yang belum pasti menguntungkan dan Britain tidak perlu bergantung kepada makanan import.

(Perkaitan antara revolusi pertanian dengan revolusi perindustrian ialah revolusi pertanian menyumbangkan modal kepada revolusi perindustrian.)

(Kedua, revolusi pertanian juga menyumbangkan tenaga kerja seperti buhuk untuk bekerja di kilang.)
 (Ketiga, revolusi pertanian menyumbangkan lebih makanan) (maka makanan tidak perlu diimport lagi)
 (Keempat, revolusi pertanian juga memperkenalkan sistem pembajakan tanah iaitu Jethro Tull hasil penemuan teknologi baru ini seterusnya memberi idea kepada
 (Kelima, revolusi pertanian dan revolusi perindustrian berkait rapat dalam melahirkan usahawan baru.

Calon yang sederhana dapat mengemukakan beberapa fakta sahaja. Antara fakta yang dapat dikeluarkannya ialah modal, tenaga kerja dan lebih makanan serta membekalkan bahan mentah untuk keperluan industri.

6 a. (Revolusi pertanian yang menguntungkan telah mempunyai lebih modal.) (Oleh itu, modal ini digunakan untuk meningkatkan revolusi perindustrian.)
 (Apabila revolusi pertanian kurang mendapat perhatian daripada revolusi perindustrian, para modal telah beralih ke revolusi perindustrian.)
 (Selain itu, sebahagian hasil keluaran revolusi pertanian juga digunakan dan diproses oleh revolusi perindustrian oleh itu, revolusi pertanian membekalkan bahan mentah kepada revolusi perindustrian.)

Calon yang lemah biasanya mengemukakan jawapan yang menyeleweng daripada kehendak soalan. Misalnya fakta yang sama diulangi dalam ayat yang berbeza.

03 (Revolusi pertanian merupakan titik kepada revolusi perindustrian.) (Revolusi perindustrian berlaku kerana terdapatnya labahan melebihi sewadaya revolusi pertanian.) (Selain itu, revolusi pertanian juga menyebabkan aktiviti pertanian meningkat serantau dengan perindustrian. Begitu juga perindustrian meningkat dengan cepat.)

Soalan 6(b)

Calon cemerlang dapat menjawab soalan dengan fakta yang mencukupi dan isinya tepat dan padat. Antara fakta yang kerap dikemukakan oleh calon ialah peningkatan pertanian, peningkatan perindustrian, kemajuan dalam bidang pengangkutan, kemunculan buruh dan majikan, dan peningkatan dalam perdagangan antarabangsa.

6 b. Kesan Revolusi Pertanian dan Revolusi Perindustrian ialah pengenalan sistem pemilikan tanah. Tanah baru juga dapat diperkenalkan melalui sistem penggiliran tanah yang diperkenalkan oleh John S Townshend. contoh tanaman baru ialah turnip, clover dan semanggi. (Kedua, pengenalan teknologi baru seperti spinning Jenny, kapal berkuasa wap dan water frame. Kesannya kapal berkuasa wap ialah memudahkan lebih banyak perdagangan dieksport.) (Kesan Revolusi Perindustrian ialah tenaga kerja yang diperlukan semakin berbilang menyebabkan rakyat memberontak. Kewujudan Akta 10 jam, Akta lombang, Akta kilang dan Akta Pekerja. Ketiga, Revolusi Pertanian telah memperkenalkan sistem penggunaan tanah. Penggunaan nutrisi yang berbeza dapat menyuburkan

tanah. Tanah juga di Tanah juga dapat digunakan seluas
sepanjang tahun.

(Keempat, Revolusi perindustrian telah membawa kepada
Imperialisme Barat di negara-negara Asia dan Afrika (untuk mendapatkan
bahan mentah.)

(Kelima, revolusi pertanian pula telah menyebabkan
revolusi perindustrian berkembang dengan menyediakan modal.)

Calon sederhana memberikan jawapan yang kurang tepat dan fakta tidak mencukupi. Antara fakta yang kerap dikemukakan ialah peningkatan pertanian, kemunculan buruh dan majikan serta kemajuan pengangkutan. Fakta-fakta ini tidak diuraikan dengan sebaiknya.

(Disebabkan pembangunan yang pesat, banyak mesin-
mesin telah diperkenalkan di kilang. Ini telah membolehkan
para majikan memperbentukkan masyarakat eropah daripada
kilang mereka dan mengantikan dengan mesin.
Mesin dapat mengeluarkan hasil atau menyiapkan barangan
lebih cepat dalam kuantiti yang banyak. Alatan penenun
kain diperkenalkan.)

(Kesannya, muncul gerakan Luddite yang menentang
penggunaan mesin. Gerakan ini muncul daripada
pekerja-pekerja yang diberhentikan.)

(Selain itu, revolusi ini telah membolehkan masyarakat
eropah menjejaki ke negara-negara luar untuk mendapatkan
pasaran dan bahan mentah. (Hasil keluaran yang berlebihan
dipasarkan di Timur.)

(Selain itu, masyarakat eropah juga diperkenalkan dengan
keubah pasaran fardusan yang lebih luas.)